



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN
LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2016**

28 FEBRUARI 2017 (SELASA)

**TEMPAT: MALAYSIAN GLOBAL INNOVATION & CREATIVITY CENTRE
(MAGIC), CYBERJAYA**

BISMILLAHIRAHMANI RAHIM
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH
SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1MALAYSIA

SALUTASI

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama hadir dalam majlis **Pelancaran Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016**, hari ini.
2. Saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) atas kesudian menjemput saya merasmikan majlis Pelancaran Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016 ini.
3. Sebentar lagi, sama-sama dapat kita mendengar dan meneliti pembentangan hasil kajian terbaru yang dilaksanakan oleh LPPKN pada tahun lalu berkaitan tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Majlis ini merupakan platform terbaik bagi menyebarkan penemuan kajian dan memberikan maklumat yang boleh dijadikan panduan tentang bidang yang perlu diberikan fokus bagi mempertingkatkan kesejahteraan keluarga di Malaysia.
4. Kehadiran wakil-wakil agensi pembuat dasar, ahli-ahli akademik dan wakil badan bukan kerajaan serta rakan media, merupakan satu manifestasi kepada komitmen dan iltizam terhadap usaha-usaha memartabatkan institusi keluarga ke arah membina sebuah negara yang

mempunyai penduduk yang berkualiti dan institusi keluarga yang sejahtera.

Hadirin sekalian,

5. Sepanjang 50 tahun membina keluarga sejahtera, LPPKN telah memainkan peranannya dalam menasihati kerajaan dalam hal-hal berkaitan kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif. Seiring dengan kepesatan pembangunan negara dan perubahan struktur keluarga dan masyarakat yang semakin kompleks, peranan dan tanggungjawab LPPKN untuk mewujudkan keluarga yang kukuh dan sejahtera semakin mencabar. Dalam hal ini, LPPKN telah melaksanakan pelbagai kajian demografi-keluarga dan program kekeluargaan dan hasil serta maklumat yang dikumpul telah diambil kira dalam perancangan pembangunan di peringkat nasional dan negeri.

6. Peranan LPPKN dalam aspek Kependudukan mendapat pengiktirafan daripada badan antarabangsa melalui penganugerahan Population Award oleh United Nations Population Fund (UNFPA) pada tahun 2007. Baru-baru ini, seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berbahagia Dato' Mariam Mas Bt Yacob, Pengerusi LPPKN sebentar tadi, saya juga amat berbangga dan mengucapkan syabas atas pencapaian LPPKN pada tahun ini kerana telah sekali lagi mendapat pengiktirafan daripada badan antarabangsa iaitu Family Award 2017 daripada International Federation for Family Development (IFFD) bersempena dengan 55th United Nations Commission For Social Development Session yang telah berlangsung pada 1-10 Februari 2017 di New York, Amerika Syarikat. Pengiktirafan tertinggi untuk negara ini adalah penghargaan kepada pencapaian dan usaha berterusan kerajaan menerusi LPPKN dalam memperkasa dan

meningkatkan kesejahteraan institusi keluarga di Malaysia dengan penggubalan Dasar Keluarga Negara dan pelaksanaan pelbagai program yang mengarusperdanakan perspektif keluarga dalam perancangan dan pembangunan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

7. Kesejahteraan keluarga adalah keadaan keluarga yang berada dalam keadaan berkasih sayang, berakhlak, selamat, sihat, berilmu, dan sentiasa harmoni. Ia meliputi pelbagai aspek, kepuasan dan keselesaan seperti rohani, ekonomi dan kewangan, mental, psikososial, kesihatan, politik dan kelestarian. Bagi mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia, **LPPKN telah memperkenalkan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia pada tahun 2011**. Pada tahun lalu, LPPKN sekali lagi berjaya membangunkan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016 atau dikenali sebagai IKK 2016. Menyedari hakikat tentang isu dan cabaran yang lebih kompleks dihadapi oleh keluarga masa kini, maka IKK 2016 telah membangunkan indeks yang mencakupi pelbagai dimensi kesejahteraan kehidupan keluarga.

8. IKK 2016 yang **bertujuan untuk memantau kesejahteraan keluarga Malaysia telah dibangunkan dengan penambahbaikan dan pengemaskinian terhadap domain dan indikator**. Secara keseluruhannya, skor **Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016 berada di tahap sederhana iaitu nilai skor yang dicatatkan adalah 7.33 daripada skala maksimum 10**. Daripada lapan (8) domain yang terdapat di dalam IKK 2016, **domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian mencatatkan skor domain tertinggi iaitu 8.04**

yang dikategorikan dalam tahap tinggi. Ini diikuti oleh domain Keselamatan Keluarga (7.96), domain Hubungan Kekeluargaan (7.90), domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (7.84), domain Kesihatan Keluarga (7.18), domain Ekonomi Keluarga (7.05), domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi (6.38), dan domain Perumahan dan Persekitaran (6.24). Kesemua nilai skor domain tersebut berada pada tahap sederhana kecuali domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian.

Para hadirin sekalian,

9. Berdasarkan daripada penemuan indeks ini, usaha yang berterusan dan menyeluruh perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga dari masa ke masa. Melalui IKK 2016, skor domain serta indikator yang diperolehi boleh dijadikan panduan dan input penting kepada para penggubal dasar dan perancang program untuk mereka bentuk strategi yang lebih efektif dan program yang tepat kepada sasarannya.

10. Saya berpandangan tahap kesejahteraan keluarga perlu diukur dari masa ke masa. Untuk itu, **penghasilan indeks kesejahteraan keluarga setiap tiga hingga lima tahun perlu dilaksanakan supaya ianya dapat dijadikan input penting kepada para penggubal dasar, perancang dan pengurus program untuk menilai sejauh mana tahap kesejahteraan hidup keluarga di Malaysia.** Ini merupakan satu langkah proaktif yang boleh dilaksanakan oleh LPPKN untuk memantau tahap kesejahteraan keluarga secara berterusan.

Tuan-puan dan hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Tanggungjawab untuk mensejahterakan keluarga di Malaysia perlu disokong oleh ramai pihak termasuk pihak swasta, agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta masyarakat sendiri, tidak lupa rakan media kita yang hadir hari ini. Tindakan dan langkah yang bersesuaian ke atas setiap domain dan indikator dalam IKK 2016 perlu direncanakan dengan baik oleh semua pihak supaya pencapaian indeks pada masa akan datang dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih baik seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke sebelas (RMK 11) yang menasarkankan skor Indeks Kesejahteraan Keluarga mencapai 8 daripada 10 menjelang tahun 2020.
12. Untuk meningkatkan Indeks Kesejahteraan Keluarga pada masa kini yang berada pada tahap sederhana, Kementerian melalui LPPKN telah melaksanakan Program Pemerksaan Keluarga dan Komuniti iaitu FACE 14 komuniti terpilih di seluruh negara bermula pada tahun lalu. Program yang dibentuk berasaskan Domain dan Indikator IKK 2016 ini perlu diperluaskan lagi di komuniti-komuniti lain. Kita akan bekerjasama dengan agensi dan komuniti yang lain dalam usaha melaksanakan program FACE ini supaya kesejahteraan keluarga tercapai.
13. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada LPPKN kerana telah berjaya menghasilkan indeks kesejahteraan keluarga Malaysia dan menganjurkan majlis Pelancaran Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016 pada hari ini.
14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **PELANCARAN LAPORAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA 2016.**

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.